

ITEX 2019: UMS Rangkul Empat Emas dan Dua Perak

Terakhir dikemaskini: Rabu, 08 Mei 2019 10:29 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 185

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


RABU, 8 MEI - Para penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi menunjukkan pencapaian membanggakan apabila berjaya merangkul empat pingat emas dan dua perak dalam penyertaan *International Invention, Innovation & Technology Exhibition* (ITEX) 2019, baru-baru ini.

Pingat-pingat itu diperoleh melalui penyertaan enam penyelidikan pada pameran tersebut yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di Kuala Lumpur.

Penyelidik yang telah menyumbangkan pingat emas ialah Prof. Madya Dr. Rayner Alfred dari Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) melalui inovasi bertajuk *RTFaceDeep: A Real Time Multiple Faces Recognition for Video Surveillance Using a Deep Learning Architecture*.

Berasal dari fakulti yang sama, pingat emas kedua pula diperoleh melalui Prof. Madya Dr. Ng Giap Weng dengan inovasi bertajuk *DeColourAR: An Augmented Reality Colouring Book for UMS Aquarium and Marine Museum*.

Turut meraih emas ialah Prof. Madya Dr. Md. Shafiquzzaman Siddiquee (Institut Penyelidikan Bioteknologi UMS) dengan tajuk penyelidikan *ALPHAMATE™: Pet Food As A Solution for Food Wastes Management in Kota Kinabalu Prison Centre, Sabah, Malaysia*; dan Dr. Chee Fuei Pien dari Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) melalui penyelidikan bertajuk *AIRMATE: Integrated Real Time Particulate Matter Measuring Instrument for Micro Environment Monitoring*.

Sementara itu, Prof. Madya Dr. Md. Shafiquzzaman turut meraih kejayaan berganda apabila penyelidikan beliau yang bertajuk *Trichogreen™: Biofungicide Formulated from Food Waste* dinobatkan sebagai penerima anugerah pingat perak.

Pingat perak selebihnya disumbangkan seorang lagi penyelidik dari FKI, Prof. Madya Dr. Ng Giap Weng melalui inovasi bertajuk *An Interactive Augmented Reality Smart e-Learning System on Technical Vocational Education and Training (TVET) in Malaysia using Augmented Reality*.

Pameran pertandingan inovasi dan teknologi bertaraf antarabangsa itu merupakan pameran tahunan anjuran *Malaysian Invention and Design Society* (MINDS).

Lebih 1,000 reka cipta dari pelbagai universiti, badan-badan korporat serta individu dari pelbagai negara ASEAN dan Asia seperti Australia, Korea dan Taiwan dipamerkan pada ITEX kali ke-30 itu.